

**Parlimen: Terjemah Buku Akademik Bahasa Inggeris Ke Bahasa Melayu Secara Besar-besaran
Bernama
18 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan mencadangkan supaya buku akademik dalam bahasa Inggeris (BI) diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (BM) secara besar-besaran.

Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman (BN-Lipis) berkata walaupun pada masa kini ada badan seperti Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), namun terjemahan buku BI ke BM dilihat masih berkurangan.

"Proses penterjemahan ini boleh digerakkan oleh ahli-ahli akademik universiti-universiti tempatan.

"Elaun tinggi boleh diberikan kepada para penterjemah (ahli-ahli akademik) ini sebagai menghargai kepakaran mereka," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat Selasa.

Mohamad berkata selain itu duti import buku-buku luar negara perlu diminimumkan agar buku-buku tersebut dapat dijual pada harga yang lebih murah.

Datuk Halimah Mohd Sadique (BN-Tenggara) mencadangkan agar pengurusan bantuan persekolahan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) yang kini dikendalikan oleh Pejabat Daerah diserahkan kembali kepada pihak sekolah.

"Pihak sekolah lebih mengetahui latar belakang keluarga murid mereka, kerana kini timbul masalah murid yang layak tidak mendapat bantuan yang sepatutnya.

"Isu ini mungkin nampak kecil tetapi ia menjadi masalah kepada ibu bapa miskin dan berpendapatan rendah yang amat memerlukan bantuan ini," katanya.

Beliau berkata perkara tersebut turut memberi masalah kepada pihak sekolah yang terpaksa berhadapan dengan ibu bapa bagi menyelesaikan masalah berkaitan pemilihan murid yang layak.

Menurutnya, pelajar yang layak menerima KWAMP adalah tergolong daripada keluarga miskin dan miskin tegar yang mana pelajarannya akan diberikan bantuan am persekolahan dan bulanan.

"Sebelum ini pengurusan KWAMP diuruskan oleh pihak sekolah bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebelum pengurusan diserahkan kepada Pejabat Daerah," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620820>

